

29 OCT 1997

Mahathir-Perniagaan

MALAYSIA MINAT MELABUR DALAM PROJEK INFRASTRUKTUR DI SLOVENIA

Oleh: Zainoor Sulaiman

LJUBLJANA, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia mahu melabur dan menjalin kerjasama dalam bidang-bidang seperti pembinaan kemudahan infrastruktur, pembangunan hartanah dan pembuatan di Slovenia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Selasa.

Ahli perniagaan Malaysia juga bersedia menyertai sektor perkhidmatan seperti bank dan kewangan, telekomunikasi, pengangkutan, pergudangan dan akitiviti berkaitan pelancongan, kata beliau pada pertemuan ahli perniagaan Slovenia dan Malaysia di Pusat Dagangan Dunia di sini.

Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli mengetuai delegasi ahli perniagaan Malaysia mengandungi 28 anggota pada pertemuan itu sementara Slovenia diketuai oleh presiden Dewan Ekonominya Jozko Cuk.

Dr Mahathir berkata sebagai negara yang mempunyai pasaran domestik yang kecil, Slovenia dan Malaysia harus mengamalkan pendekatan global untuk mencapai dan mengekalkan pertumbuhan ekonominya.

"Oleh itu, disamping meninjau potensi ekonomi antara satu sama lain, sektor swasta Slovenia dan Malaysia harus meneroka peluang-peluang bagi kerjasama di negara ketiga," kata beliau.

Perdana Menteri kini berada di Slovenia untuk lawatan rasmi tiga hari.

Dr Mahathir berkata jumlah perdagangan antara Malaysia dan Slovenia masih kecil, disebabkan struktur perdagangan yang tertumpu hanya kepada senarai produk yang terbatas.

Tahun lalu, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara mencapai hingga AS\$11.6 juta dengan eksport Malaysia bernilai ASS8.7 juta, sebahagian besar daripadanya ialah getah mentah.

Import dari Slovenia meliputi kebanyakannya meter elektrik, kertas, simen dan bahan binaan siap berjumlah hingga AS\$2.9 juta.

Dr Mahathir menegaskan tentang perlunya untuk memperluaskan senarai produk dan perkhidmatan bagi meningkatkan perdagangan sambil berkata adalah penting bahawa Malaysia boleh mendapatkan bekalan dari Slovenia dan sebaliknya.

"Dalam pada itu, kita perlu meneroka peluang dalam industri perkapalan dan kaedah pengangkutan yang lain, pergudangan serta peraturan pembiayaan yang memanfaatkan kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia berminat untuk menjalin "hubungan yang bermakna" dengan Slovenia sambil berkata kedudukan negara ini yang strategik di Eropah Tengah dan Timur boleh menjadikannya pusat perdagangan bagi rantau berkenaan.

"Dalam pada itu, penyertaan Slovenia dalam Persatuan Perdagangan Bebas Eropah Tengah (CEPTA) yang meliputi Poland, Slovakia, Republik Czech dan Hungary awal tahun lepas telah membuka pasaran baru," kata beliau.

Begitu juga, ahli perniagaan Slovenia harus meningkatkan pembabitannya di rantau Asia dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi pengeluaran dan pengedaran produk mereka ke rantau itu.

"Memandangkan kedudukannya di tengah-tengah Asia Tenggara, Malaysia merupakan lokasi yang sesuai untuk menjadi pintu masuk bagi Slovenia," kata Perdana Menteri.

Memandangkan jumlah penduduknya yang disatukan ialah 460 juta, pasaran ASEAN dan iklim perdagangannya yang liberal boleh menyediakan dan menawarkan peluang-peluang perniagaan bagi ahli perniagaan Slovenia," katanya.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi Presiden Perhimpunan Kebangsaan Slovenia Dr Janez Podobnik di bangunan Perhimpunan Kebangsaan.

Perdana Menteri dan rombongan juga akan melawat Bled, pusat peranginan Alpine yang terkenal di dunia dekat tasik, kira-kira 60 km dari sini.

Dr Mahathir akan berlepas dari sini kemudian dalam perjalanan ke London sebelum pulang. -- BERNAMA

ZS FAZ